

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

Dua disyaki dijangkiti penyakit kencing tikus dilapor stabil

Alor Setar: Dua pengunjung yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) sebuah hospital di negeri ini disyaki akibat dijangkiti penyakit kencing tikus selepas berkunjung ke Taman Eko Rimba Lata Bayu, Baling dilaporkan stabil.

EXCO Kesihatan, Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Mansor Zakaria berkata pihaknya juga tidak menerima maklumat mengenai mangsa baharu setakat ini.

"Pihak saya menasihatkan agar pengunjung yang berkelah di pusat peranginan dan mempunyai gejala penyakit berkenaan segera mendapatkan rawatan di klinik dan hospital berhampiran kerana ia boleh menyelamatkan nyawa mereka.

"Orang ramai juga dinasihatkan tidak berkunjung ke Lata Bayu yang kini ditutup sementara waktu sejak 17 Jun lalu," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, sampel air di kawasan terbabit telah diambil pihak Jabatan Kesihatan Negeri Kedah (JKN) kelmarin untuk siasatan lanjut.

Katanya, pusat peranginan itu ditutup sementara sehingga satu tarikh dimaklumkan kelak.

"Buat masa ini, pihak kita juga tidak menerima laporan kes jangkitan kencing tikus di kawasan pusat peranginan lain di sekitar negeri ini," katanya.

Semalam media melaporkan Taman Eko Rimba Lata Bayu di Baling ditutup sementara selepas dua pengunjung disyaki dijangkiti penyakit kencing tikus selepas berkunjung ke pusat peranginan itu.

Pegawai Daerah Baling, Yazlan Sunardie Che Yahaya berkata, kes jangkitan membabitkan dua mangsa dirawat di ICU sebuah hospital di Kedah itu dilaporkan Pejabat Kesihatan Daerah Baling.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL



TAMAN Eko Rimba Lata Bayu di Baling ditutup sementara selepas dua pengunjung disyaki dijangkiti penyakit kencing tikus selepas berkunjung ke pusat peranginan itu.

Dua pengunjung dijangkiti kencing tikus kini stabil

Alor Setar: Dua pengunjung yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) sebuah hospital di negeri ini disyaki dijangkiti penyakit kencing tikus selepas berkunjung ke Taman Eko Rimba Lata Bayu, Baling, kini stabil.

EXCO Kesihatan, Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Mansor Zakaria berkata, pihaknya ju-

ga tidak menerima maklumat berkaitan mangsa baharu setakat ini.

"Kami menasihati pengunjung yang berkelah di pusat peranginan dan mempunyai simptom penyakit berkenaan segera mendapatkan rawatan di klinik dan hospital kerana ia boleh menyelamatkan nyawa mereka."

"Orang ramai juga di-

nasihati tidak berkunjung ke Lata Bayu yang kini ditutup buat sementara sejak 17 Jun lalu," katanya dihubungi, semalam.

Beliau berkata, sampel air di kawasan terbabit sudah diambil Jabatan Kesihatan Negeri Kedah (JKN) kelmarin, untuk siasatan lanjut.

"Buat masa ini, kami juga tidak menerima lapo-

ran-kes jangkitan kencing tikus di pusat peranginan lain di sekitar negeri ini," katanya.

Kelmarin, Harian Metro melaporkan, Taman Eko Rimba Lata Bayu di Baling ditutup sementara selepas dua pengunjung disyaki dijangkiti penyakit kencing tikus selepas berkunjung ke pusat peranginan itu.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : LOKAL

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Beberapa pakar kesihatan awam negara ini berpandangan sebarang tindakan perlu diambil susulan syarikat Pfizer disaman di Amerika Syarikat (AS) berkaitan vaksin Covid-19.

Tindakan lanjut yang diambil perlu berdasarkan situasi, data serta fakta di Malaysia.

Pakar kesihatan awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, ada pelbagai

SYARIKAT PFIZER DISAMAN DI AS BERKAITAN VAKSIN COVID-19

Tunggu bukti, keputusan

dakwaan pro dan kontra berhubung vaksin Covid-19.

"Jadi senario di AS itu adalah amat baik, perkara berkaitannya untuk dibawa ke mahkamah bagi mendapatkan keputusan yang sebenar.

"Kita patut tunggu bukti dan keputusan mereka serta ambil tindakan yang berpatutan.

"Sebagai langkah berjaga-berjaga, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) patut menyemak semula kajian dan surveillance penggunaan vaksin yang sama," katanya.

Sementara itu, Pakar Perubatan Kesihatan Awam Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman berpendapat

pihak di negara ini perlu mendapatkan terlebih dahulu maklumat apa yang berlaku di AS.

"Sistem kesihatan mereka tak sama seperti yang berlaku di Malaysia," katanya.

Kelmarin, laporan Reuters memetik, Kansas di AS memfailkan saman ke atas Pfizer atas dakwaan syarikat itu mengelirukan orang ramai, menipu dan menyembunyikan risiko pengambilan vaksin Covid-19.

Kansas, menerusi penytan difailkan di Mahkamah Daerah Thomas County turut menuduh syarikat itu membuat dakwaan palsu mengenai tahap keberkesanan vaksin keluarannya, sekali gus menuntut ganti rugi yang jumlahnya tidak dinyatakan.

Menurut dokumen mahkamah, kenyataan palsu syarikat berpangkalan di New York itu melanggar Akta Perlindungan Pengguna Kansas.

Ia juga mendakwa Pfizer menyembunyikan bukti berhubung kaitan vaksin



"Sebagai langkah berjaga-berjaga, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) patut menyemak semula kajian dan surveillance penggunaan vaksin yang sama"

Dr Zainal Ariffin Omar

buatannya dengan komplikasi kehamilan termasuk keguguran serta keradangan jantung dikenali sebagai miokarditis dan pe-

rikarditis selepas vaksin itu dilancarkan pada 2021.

Selain itu, Pfizer didakwa membuat kenyataan palsu bahawa vaksin yang dibangunkan bersama Jerman BioNTech untuk strain asal virus itu mengekalkan keberkesanan tinggi terhadap perubahan varian dan boleh mencegah penyakit serta penularan.

Bagaimanapun, BioNTech tidak dinamakan sebagai defendan bagi kes berkenaan.

Mengulas tindakan itu, Peguam Negeri Kansas Kris Kobach berkata, Pfizer membuat beberapa kenyataan mengelirukan mengenai vaksin dihasilkan untuk menipu orang awam.

Beliau dalam kenyataannya berkata, negeri lain juga bekerjasama dengan Kansas dalam siasatan berkenaan, selain turut dijangka memfailkan saman.

Pfizer pula berkata, kenyataan mengenai vaksin Covid-19 dikeluarkan firma berkenaan adalah tepat dan berdasarkan sains, selain menyifatkan tuntutan terbahit tidak berasas.



VAKSIN Covid-19.
- GAMBAR fail Reuters

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA



PINTU pagar ke Taman Eko Rimba Lata Bayu telah ditutup di Baling sejak beberapa hari lalu.

Dua mangsa kencing tikus Lata Bayu stabil

ALOR SETAR – Dua mangsa yang menerima rawatan di unit rawatan rapi (ICU) sebuah hospital dipercayai akibat penyakit kencing tikus setelah berkelah di Taman Eko Rimba (TER) Lata Bayu, Baling dilaporkan stabil.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan negeri, Mejar (B) Mansor Zakaria berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima maklumat tentang mangsa baharu.

"Saya menasihatkan mereka yang pernah mengunjungi kawasan tersebut dan mempunyai simptom penyakit tersebut agar segera mendapatkan rawatan di klinik atau hospital berdekatan kerana ia boleh menyelamatkan nyawa," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurutnya, orang awam juga dinasihatkan supaya tidak mengunjungi pusat peranginan tersebut yang kini ditutup buat sementara waktu.

"Jabatan Kesihatan negeri sudah mengambil sampel air di kawasan tercemar tersebut se-

malam dan kawasan peranginan berkenaan juga sudah ditutup sehingga satu tarikh dimaklumkan nanti.

"Namun begitu, kita mendapati masih ada yang mengunjungi kawasan itu, jadi diharapkan orang ramai menjauhi seketika pusat peranginan tersebut," ujarnya.

Kata beliau, kerajaan negeri turut arahkan Jabatan Perhutanan negeri membuat pemantauan di kawasan berkenaan serta mengambil tindakan sewajar.

"Penyakit ini berpunca daripada pembuangan sampah yang tidak terkawal, jadi kita menasihatkan orang ramai yang mengunjungi kawasan ini agar membuang sampah dengan cara betul.

Kelmarin dilaporkan dua pengunjung pusat peranginan tersebut kini menerima rawatan di ICU dipercayai akibat penyakit kencing tikus.

Mereka antara pengunjung yang berkelah di Lata Bayu.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NASIONAL

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Sinar
Harian**NASIONAL** 11

KHAMIS 20 JUN 2024 • SINAR HARIAN

MMA gesa TPA dikawal selia

Bendung amalan tidak beretika, lindung sistem penjagaan kesihatan

KUALA LUMPUR

Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa agar pengawalseliaan Pentadbir Pihak Ketiga (TPA) untuk membendung amalan tidak beretika seperti pembahagian fi dan melindungi sistem penjagaan kesihatan daripada komersialisme.

Presiden MMA, Dr Azizan Abdul Aziz berkata, ketiadaan pengawalseliaan untuk TPA akan mengakibatkan peningkatan dalam kos penjagaan kesihatan, khususnya dalam khidmat pen-

jagaan primer swasta.

"Memandangkan isu ini memberi kesan kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan untuk orang ramai, kami menyeru ahli Parlimen supaya menangani perkara ini dalam sesi sidang Parlimen akan datang," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Dr Azizan menjelaskan bahawa TPA ialah organisasi penadbiran swasta yang diupah oleh syarikat untuk menguruskan faedah kesihatan pekerja mereka dan orang tengah ini juga mendapat bayaran daripada caj kepada klinik pengamal perubatan am (GP) swasta untuk disenaraikan sebagai klinik panel.

Ujarnya, majoriti GP swasta bergantung kepada TPA untuk

rangkaiannya pelanggan (syarikat) yang mereka sediakan dan perkhidmatan penadbiran menguruskan pelbagai majikan (syarikat).

Jelasnya, salah satu isu yang telah didedahkan ialah amalan pembahagian fi di mana TPA mengambil peratusan daripada jumlah bil dikenakan kepada pesakit yang membawa kepada peningkatan kos ditanggung dalam kalangan GP swasta dan pakar yang terlibat.

Dr Azizan turut menyatakan isu lain seperti yuran pendaftaran yang tinggi sehingga RM5,000 hanya untuk disenaraikan sebagai klinik panel, pembayaran tertunda dan penolakan tuntutan, ketidakcekapan operasi, tidak telus dan isu penetapan



Ketiadaan pengawalseliaan untuk Pentadbir Pihak Ketiga (TPA) akan meningkatkan kos penjagaan kesihatan. - Gambar hiasan

harga dan had fi.

Tambahnya, untuk menyelesaikan isu tersebut, MMA mencadangkan agar kerajaan menangani pembahagian fi dalam kontrak, menubuhkan badan

berwibawa untuk mengawal selia TPA dan menguatkuasakan amalan beretika serta menyelaraskan proses untuk mewujudkan sistem pendaftaran klinik bersepadu. - Bernama

DR AZIZAN

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Perlu iklan di *MyFuture Job* sebelum dibuka kepada warga asing

Jururawat tempatan perlu diutamakan

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aman.asrol@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Hospital swasta dan pihak yang terlibat dalam industri pelancongan kesihatan perlu mengutamakan jururawat tempatan sebelum menggaji petugas dari luar negara bagi memenuhi kekosongan dan

keperluan operasi mereka.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) berkata, tanggungjawab mereka adalah memastikan keutamaan kepada bakat tempatan dalam mengisi kekosongan jawatan sebelum pengesyoran penggajian kepada rakyat asing.

Menurut pertubuhan itu,

ini selari dengan syarat yang ditetapkan iaitu mana-mana majikan yang ingin menggajikan pekerja asing atau pegawai dagang hendaklah mengiklan selama 30 hari di portal *MyFuture Jobs* dan membuat temuduga kepada calon tempatan.

Namun, tempoh pengiklanan tersebut dipendekkan kepada 14

hari bagi memudahkan majikan.

"Sehingga 19 Jun ini, Perkeso menerima 17 permohonan pegawai dagang yang melibatkan pengiklanan bagi jawatan jururawat swasta daripada kumpulan hospital swasta dalam tempoh Januari sehingga Jun 2024.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

Utusan Malaysia
KHAMIS • 20 JUN 2024



PERMINTAAN terhadap jururawat semakin meningkat dan pemain industri diminta mengutamakan bakat tempatan untuk mengisi sebarang kekosongan perjawatan. - **UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI**

Jururawat tempatan perlu diutamakan

Dari muka 1

"Jumlah kekosongan jawatan di bawah permohonan ini adalah sebanyak 304 kekosongan. Antara jawatan jururawat swasta yang diiklankan adalah termasuk jawatan *Nurse Consultation Room, State Registered Nurse, Senior Staff Nurse* dan *Staff Nurse* yang menawarkan gaji antara RM2,500 sehingga RM5,000," katanya dalam kenyataan kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan, sebanyak 220 hospital swasta di seluruh negara terus berdepan masalah kekurangan jururawat yang boleh menjejaskan operasi mereka dan industri pelancungan kesihatan di negara ini.

Perkara itu diburukkan lagi apabila Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) belum meluluskan kemasukan 9,200 jururawat dari Filipina dan India.

Langkah itu bertentangan dengan keputusan Kementerian Kesihatan yang sudah meluluskan kemasukan jururawat tersebut dengan memberi pengecualian termasuk membuka kelayakan pasca asas jururawat luar negara untuk bekerja di hospital-hospital swasta.

Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr. Kuljit Singh berkata, sehingga kini lebih 9,000 jururawat asing tidak dapat dibawa untuk mengatasi kekurangan yang berlaku walaupun pengecualian menggaji jururawat dari India dan Filipina yang bermula 1 Oktober 2023 itu akan tamat pada 30 September ini.

Mengulas mengenai dakwaan tersebut, Perkeso berkata, perkara tersebut tidak tepat berikutan temuduga yang dijalankan adalah hasil kerjasama pihaknya dengan majikan, namun ia perlu memberi keutamaan kepada bakat-bakat tempatan.

Katanya, Perkeso sudah menyediakan calon-calon yang bersesuaian berdasarkan tapisan yang dibuat mengikut latar belakang calon seperti memiliki pengalaman sebagai jururawat dan berdaftar di portal MyfutureJobs.

"Tiada sekatan dibuat terhadap permohonan pengajian jururawat asing tersebut malah memberikan kelulusan secara berperingkat kepada majikan dan dengan pemberian kelulusan secara berperingkat tersebut dapat memberikan peluang kepada majikan untuk merancang pengambilan dengan lebih baik serta tidak perlu membuat permohonan semula.

"Pada masa yang sama Perkeso boleh memastikan keutamaan kepada bakat tempatan diberikan," jelasnya.

Dalam pada itu, pertubuhan tersebut berkata, sebanyak 1,641 program temu duga sudah dilaksanakan dengan 16,366 berjaya mendapatkan pekerjaan daripada pelbagai industri sehingga 14 Jun lalu.

"Perkeso juga mendapati terdapat faktor-faktor yang menyumbang kepada peratusan pengajian bakat tempatan yang rendah iaitu gaji yang kurang kompetitif iaitu antara RM2,500 sehingga RM5,000," jelasnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

Lelaki, Melayu paling ramai sakit mental

Oleh AIMAN ALI
airmanali@medianulla.com.my

PETALING JAYA: Jumlah golongan Orang Kurang Upaya (OKU) bagi kategori mental antara yang menunjukkan peningkatan tinggi.

Statistik OKU (Aktif) berdaftar mengikut jantina dalam kategori mental setakat Februari tahun ini menunjukkan, golongan lelaki merupakan penghidap OKU mental tertinggi dengan jumlah 33,602 orang manakala 22,496 bagi golongan wanita menjadikan 56,098 orang secara keseluruhan.

Bagi statistik mengikut kaum bagi kategori yang sama, kaum Melayu mendahului dengan jumlah seramai 30,268 orang, diikuti kaum Cina (14,853), India (4,845), bumiputera Sabah Sarawak (3,431), lain-lain (2,517) dan Orang Asli Semenanjung (184).

Mengikut peringkat umur pula, 46 hingga 59 tahun paling ramai dalam kategori mental iaitu 20,584 orang diikuti umur 36 hingga 45 tahun (14,468), dan umur 60 tahun ke atas (12,764).

Berdasarkan rekod Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU), setakat 31 Mei 2024, sejumlah 712,570 OKU berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Ketua Pengarah JKJ, No-razman Othman berkata, peningkatan pendaftaran OKU didorong oleh beberapa faktor termasuk kesedaran terhadap kemudahan dan keistimewaan yang disediakan oleh kerajaan terhadap golongan itu.

"Peningkatan juga kerana

ada individu yang baru disahkan oleh pakar perubatan sebagai OKU," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Katanya, pada 31 Disember 2023, pendaftaran OKU adalah seramai 691,427 orang dan meningkat sebanyak 3.06 peratus atau 21,143 orang pada 31 Mei lalu.

Daripada statistik itu, OKU kategori Pembelajaran adalah yang tertinggi iaitu seramai 274,783 orang, diikuti dengan Fizikal (240,159), Penglihatan (60,342) dan Mental (56,930).

Sementara itu, pakar perubatan kesihatan awam dan pakar epidemiologi, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar berkata, peningkatan jumlah OKU disebabkan beberapa faktor termasuk melibatkan tahap kesuburan ibu bapa dalam mendapatkan zuriat.

"Tahap kesuburan ibu bapa boleh mempengaruhi kualiti zuriat yang dilahirkan, selain kekurangan zat makanan atau gaya pemakanan yang tidak sesuai semasa kehamilan.

"Bagi OKU mental pula, ia boleh diwarisi secara genetik atau dikaitkan dengan keadaan sekeliling sehingga menyebabkan seseorang itu menjadi OKU mental," katanya.

Pakar Kesihatan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, selain faktor umur ibu bapa yang tua, faktor lain yang boleh menyebabkan kelahiran tidak sihat termasuk jangkitan kuman, pernah melahirkan anak tidak cukup bulan dan mengalami kurang berat badan yang teruk semasa hamil.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NATION

THE STAR, THURSDAY 20 JUNE 2024

Nation 11

'Regulate healthcare third parties'

MMA: Guidelines for TPAs urgently needed to curb any unethical practices

KUALA LUMPUR: The Malaysian Medical Association (MMA) has called for the regulation of third-party administrators (TPAs) to curb unethical practices such as fee-splitting and to protect the healthcare system against commercialism.

Its president Dr Azizan Abdul Aziz said the present lack of regulation for TPAs could lead to a rise in healthcare costs, mainly in private primary care services.

"As this issue significantly

impacts healthcare delivery to the public, we urge MPs to address this matter in the upcoming parliamentary meeting," she said yesterday, Bernama reported.

Dr Azizan explained that TPAs were privately-owned and managed-care organisations hired by companies to handle their employee health benefits and these intermediaries also profited from fees charged to private general practitioner (GP) clinics to be included in their network.

She said the majority of private GPs depended on TPAs for their client base and for services to manage various employers.

Dr Azizan said one of the concerns raised was the practice of fee-splitting, where TPAs deducted a percentage from the total bill charged to patients, leading to increased costs for the private GPs and specialists involved.

She said TPAs typically deducted between 10% and 15% from the total bill, impacting the sus-

tainability of private clinics and the quality of patient care - which may force GPs to consider cost-cutting measures or adjust charges to offset losses.

"We wish to remind all private medical practitioners that fee-splitting is considered unethical under the guidelines established by the Malaysian Medical Council," she added.

Dr Azizan said other issues included high registration fees just to be listed as a panel clinic,

delayed payments and rejected claims, operational inefficiencies, lack of transparency, as well as concerns over price and fee caps.

To resolve these issues, she said MMA had proposed several measures - which included urging the government to address fee-splitting within contracts, set up a regulatory body to oversee TPAs and enforce ethical standards, as well as standardise processes to create a unified clinic registration system.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : VIEWS

Celebrating the act of giving

WORLD Blood Donor Day (WBDD) has come and gone without much fanfare in Malaysia. Observed globally on June 14 every year, the event aims to raise awareness of the need for safe blood and blood products.

As this year marks the 20th anniversary of the declaration of WBDD, the theme chosen by the World Health Organisation (WHO) is, aptly, "20 years of celebrating giving: thank you blood donors!"

I was a regular blood donor for many years, visiting the Universiti Malaya Medical Centre Transfusion Unit and places where blood donation drives were being held.

I used to donate blood once every three months until I had brain surgery in 2016. After the operation, I was told that I could no longer donate because of concerns over the potential of blood-borne infections or complications related to the surgery.

Brain surgery can introduce various risks, including the potential for infections like meningitis or encephalitis, which could theoretically be transmitted through blood donation.

The patients' general health and immune system after the surgery were also a matter of some concern.

Being unable to donate blood



is a bit upsetting for me, particularly when I think about the intrinsic value in sharing what we have.

In ancient Greek civilisation, the concept of "philanthropia" – the love of humanity – was central to their ethos. It wasn't about giving from excess but about cultivating a habit of generosity and kindness. The Greeks believed that by regularly giving, individuals could develop compassion and empathy, which would strengthen the fabric of society.

Aristotle discussed the concept of "megalopsychia" or magnanimity in "Nicomachean Ethics", one of his best-known works on ethics, highlighting that true greatness comes from the ability

to give generously.

In his dialogues, Plato often referenced the virtue of sharing knowledge and resources as a cornerstone of a just and flourishing society.

From an Islamic perspective, the emphasis on generosity is profound and all-encompassing. A well-known hadith from the Prophet Muhammad SAW states, "The believer's shade on the Day of Resurrection will be his sadaga (charity)" – (Al-Tirmidhi). This hadith encapsulates the essence of giving in Islam – that charity and generosity are not just acts of kindness but also investments in one's spiritual well-being and the well-being of society as a whole.

It is through the regular practice of generosity that we cultivate the virtues necessary to build compassionate and empathetic communities.

It is never about pursuing to the excess so that we can give but rather the consistent habit of sharing what we can.

This principle holds true today. The act of giving, whether of time, resources, or blood in this case, fosters a sense of community and interconnectedness.

Donating blood, in particular, requires us to share something very precious, something that cannot be bought online or at the night market. Each donation is an act of trust and generosity, given without knowing who will receive it or how it will be used.

It's easy to promise ourselves that we will give when we have more – more money, more time, more energy. But in reality, if giving is not part of our habit, it becomes increasingly difficult to do no matter how much we have.

For me, the beauty of donating blood lies in its anonymity and selflessness. We give a part of ourselves without expecting anything in return, only knowing that our gift will benefit someone in need, somewhere.

NAHRIZUL ADIB KADRI
Universiti Malaya

Inculcating culture of food safety among children

RECENTLY, a Form Five student and a two-year-old girl died after eating food that was prepared for an event held in a school in Gombak. It was reported that 82 others who attended the event were treated for food poisoning.

Failure to adhere to food safety regulations has led to an increase in reported food poisoning cases, especially in school settings, in Malaysia. Data from the Health Ministry showed an annual incidence of 50.90 per 100,000 population and a mortality rate of 0.03 per 100,000 population in 2019.

A primary concern in food safety management is the prevalence of food-borne infections, with the salmonella bacteria that causes diarrhoea, fever and stomach pains being a leading cause worldwide.

These pathogens often contaminate animal-derived foods like eggs, poultry, meat and dairy products.

Children with compromised immune systems are more susceptible to food poisoning. This vulnerability is exacerbated by inadequate food safety and hygiene practices as well as unsafe eating habits prevalent among children in school settings.

Despite the availability of guidelines, including the Education Ministry's School Canteen Guidelines Handbook (2004), canteen operators, school children, teachers and staff may still have limited awareness of proper hygiene, handling practices, and food safety protocols to reduce their risk of becoming sick from foodborne illnesses.

It is the responsibility of the food handler to ensure that the food provided in schools are safe and that they observe hygienic practices at all times in order to prevent food poisoning incidents.

School administrators must also be responsible for ensuring that the food served in their canteens are not only safe but also nutritious.

Effective communication among food handlers is paramount in upholding food safety standards. In this case, training that emphasise the importance of food safety must be provided to the canteen operators and staff who handle food.

The problematic and unhygienic food handling behaviours among school children must also be addressed. This requires tailored instructional strategies, considering the varying ages and maturity levels of the children.

Inculcating a robust food safety culture during the school years will foster lifelong habits that will reduce their risks to food-borne diseases in later life.

DR SALINI DEVI RAJENDRAN
School of Food Studies and
Gastronomy
Taylor's University

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATIONAL

Call for TPA regulation to prevent unethical practices

KUALA LUMPUR: The Malaysian Medical Association (MMA) has called for the regulation of third party administrators (TPA) to protect the healthcare system against commercialism and curb unethical practices, such as fee splitting.

Its president Dr Azizan Abdul Aziz said the lack of TPA regulation could lead to a rise in healthcare costs, particularly in private primary care services.

"As the issue impacts healthcare delivery to the public, we urge MPs to address the matter in the upcoming parliamentary session."

She said TPA are privately owned and managed care organisations hired by companies to manage their employee health benefits and such intermediaries profit from fees charged to private general practitioner (GP) clinics to be included in their network.

She added that the majority of private GPs depend on TPA for their client base (companies) and administrative services to manage various employers.

Azizan said a concern raised is the practice of fee splitting, in which TPA deduct a percentage from the total bill charged to patients, leading to increased costs for private GPs and specialists.

She said they deduct between 10% to 15%, impacting the sustainability of private clinics and the quality of patient care, which may force GPs to consider cost cutting measures or adjust charges to offset losses.

"We wish to remind all private medical practitioners that fee splitting is considered unethical under the guidelines established by the Malaysian Medical Council."

She also said other issues include high registration fees of up to RM5,000 just to be listed as a panel clinic, delayed payments and claim rejections, operational inefficiencies, lack of transparency and concerns over pricing and fee caps.

She said MMA has proposed several measures, including urging the government to address fee splitting within contracts, establishing a regulatory body to oversee TPA and enforce ethical standards and standardising processes to create a unified clinic registration system. - Bernama